



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

28 MAC 2024

TUJUAN

- Laporan ringkas ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai status semasa cuaca panas, kesan serta tindakan-tindakan yang telah diambil.

RAMALAN CUACA

- Berdasarkan analisis model-model cuaca, fasa peralihan monsun dijangka bermula pada 29 Mac 2024 dan berterusan sehingga Mei 2024. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Timur Laut 2023/24 yang telah bermula sejak 11 November 2023.
- Semasa fasa peralihan monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah yang kondusif untuk kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa yang singkat. Kejadian ini berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta selatan dan tengah Sarawak.
- Dengan bermulanya fasa peralihan monsun, keadaan cuaca panas dan kering yang sedang berlaku di kebanyakan tempat di seluruh negara dijangka beransur pulih menjelang pertengahan April.


Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia

STATUS CUACA PANAS

- Pada **25 - 27 Mac 2024**, negeri **Perlis** mencatatkan cuaca panas tahap 2 (gelombang haba) manakala daerah **Hulu Perak, Perak** mencatatkan cuaca panas tahap 2 pada **26 - 27 Mac 2024**. Seterusnya pada **25 Mac 2024**, daerah **Beaufort, Sabah** mencatatkan cuaca panas tahap 2, manakala daerah **Kota Setar, Kedah** dan **Pokok Sena, Kedah** mencatatkan cuaca panas tahap 2 pada **27 Mac 2024**.
- Pada **25 Mac 2024**, terdapat **41 daerah di Semenanjung, 3 daerah di Sarawak** dan **1 daerah di Sabah** mencatatkan cuaca panas tahap 1 manakala terdapat **37 daerah di Semenanjung, 2 daerah di Sabah** dan **2 daerah di Sarawak** mencatatkan cuaca panas tahap 1 pada **26 Mac 2024**. Seterusnya pada **27 Mac 2024**, terdapat **31 daerah di Semenanjung** dan **2 daerah di Sabah** mencatatkan cuaca panas tahap 1.

- Untuk rujukan, tahap 1 (berjaga-jaga: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), tahap 2 (gelombang haba: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan tahap 3 (gelombang haba ekstrem: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia



STORAN EMPANGAN

- Sehingga **27 Mac 2024**, terdapat **empat (4) empangan** yang menunjukkan penyusutan baki stok simpanan air mentah dan berada pada paras KRITIKAL, iaitu **Empangan Sembrong Barat (31.65 peratus)** di **Johor**, **Empangan Air Hitam (35.00 peratus)** di **Pulau Pinang**, **Empangan BS Padang Saga (39.67 peratus)** dan **Empangan Malut (39.90 peratus)** di **Kedah**.
- Sementara itu, stok simpanan air di satu (1) empangan lain berada pada paras AMARAN, iaitu Empangan Muda (41.00 peratus) di Kedah. Manakala tiga (3) empangan lagi menunjukkan stok simpanan air berada pada paras WASPADA, iaitu Empangan Timah Tasoh (56.25 peratus) di Perlis, Empangan Bekok (68.58 peratus) di Johor dan Empangan Teluk Bahang (69.00 peratus) di Pulau Pinang.
- Untuk rujukan, baki storan kurang 40 peratus (KRITIKAL), 41 hingga 50 peratus (AMARAN), 51 hingga 70 peratus (WASPADA), serta lebih 71 peratus (NORMAL).

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

28 MAC 2024



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Pada **25 – 28 Mac 2024**, berlaku peningkatan indeks kualiti udara berbanding minggu lalu. Enam (6) kawasan telah merekodkan kualiti udara yang tidak sihat, iaitu **Pahang (Rompin), Pahang (Kuantan), Sabah (Kimanis), Sabah (Politeknik Kota Kinabalu), Sarawak (ILP Miri), dan Selangor (Johan Setia)**.
 - **Pahang (Kuantan)** merekodkan bacaan **106 pada 25 Mac 2024**
 - **Sabah (Kimanis)** merekodkan bacaan **104 – 152 pada 25 – 28 Mac 2024**
 - **Sabah (Politeknik Kota Kinabalu)** merekodkan bacaan **114 – 152 pada 25 – 26 Mac 2024**
 - **Sarawak (ILP Miri)** merekodkan bacaan **114 – 123 pada 26 Mac 2024**
 - **Pahang (Rompin)** merekodkan bacaan **149 – 152 pada 27 Mac 2024**
 - **Selangor (Johan Setia)** merekodkan bacaan **104 – 124 pada 28 Mac 2024**
- Untuk rujukan, bacaan API 0-50 (baik), 51-100 (sederhana), 101-200 (tidak sihat), 201-300 (amat tidak sihat) dan melebihi 300 (merbahaya).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar



HEBAHAN RAMALAN KEMARAU BAGI LEMBANGAN SUNGAI

- Pada **25 Mac 2024**, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengeluarkan hebahan ramalan kemarau bagi tiga (3) lembangan sungai, iaitu **lembangan Sungai Muda Kedah, lembangan Sungai Kelantan dan lembangan Sungai Melaka**. Keadaan ini mungkin akan menyebabkan masalah gangguan bekalan air di **daerah Sik, Pasir Mas, Machang, Tanah Merah, Kota Bharu dan Alor Gajah**.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pemantauan sehingga **27 Mac 2024** mendapati jumlah kes kumulatif bagi penyakit berkaitan cuaca panas **meningkat kepada 31 kes** dengan pecahan kes mengikut diagnosis adalah **sembilan (9) kes strok haba, 21 kes kelesuan haba dan satu (1) kes kejang haba**.
- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah lapan (8) kes di Perak, lapan (8) kes di Kedah, empat (4) kes di Negeri Sembilan, tiga (3) kes di Selangor, tiga (3) kes di Sabah, dua (2) kes di Perlis, satu (1) kes di Johor, satu (1) kes di Pahang dan satu (1) kes di Pulau Pinang. Pecahan kes mengikut umur adalah 24 dewasa dan tujuh (7) remaja.
- Tiada kes kematian baru dilaporkan pada minggu ini, menjadikan kes kematian akibat strok haba kekal **satu (1) kes kematian** yang dilaporkan di Pahang (**2 Februari 2024**). Terdapat tiga (3) kes yang masih mendapat rawatan di hospital, iaitu satu (1) kes strok haba dan satu (1) kes kelesuan haba yang dirawat di Unit Rawatan Rapi, manakala satu (1) kes strok haba dirawat di wad biasa. Kes-kes lain telah mendapat rawatan dan sembuh.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama pelbagai agensi pada 15 Februari 2024 bagi memperkasakan kesiapsiagaan untuk menangani impak fenomena cuaca panas dan kering semasa peralihan Monsun Timur Laut (MTL). **Operasi Pembenihan Awan (OPA) telah dilaksanakan pada 27- 28 Februari 2024** berdasarkan permohonan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyasarkan kawasan sekitar Empangan Teluk Bahang dan Air Itam di Pulau Pinang dan Empangan Bukit Merah di Perak. OPA akan diteruskan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.



LAPORAN RINGKAS STATUS CUACA PANAS

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

28 MAC 2024

- OPA di kawasan yang terjejas akibat kemarau di Sabah akan dilaksanakan pada **28 sehingga 30 Mac 2024** dengan kerjasama NADMA, Kerajaan Negeri Sabah, Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). OPA di Sabah ini merupakan langkah untuk mengurangkan kesan kemarau dan juga kekurangan air melibatkan beberapa kawasan di **Papar, Lahad Datu dan Tawau**.
- Pada 13 Mac 2024, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Papar mengisytiharkan daerah Papar sebagai kawasan bencana kemarau. Krisis air akibat kemarau yang panjang telah menjejaskan rutin harian penduduk. JPBD Papar telah mengambil langkah menangani masalah bekalan air dengan mengagihkan air secara berjadual menggunakan lori tangki dari Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), Majlis Daerah Beaufort dan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPN). Keutamaan kepada hospital, rumah ibadat, rumah warga tua dan sekolah.
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan memberi tumpuan terhadap lebih **652 kawasan titik panas** kebakaran di seluruh negara susulan fasa akhir Monsun Timur Laut. Selangor, Johor dan Sarawak merupakan antara negeri tertinggi yang direkodkan berlaku pengulangan insiden melibatkan kebakaran kategori lalang, kebun, hutan dan pelupusan sampah.
- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** pada 19 Mac 2024 telah meminta Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan semua institusi pendidikan bawah KPM untuk melaksanakan langkah-langkah seperti berikut :
 - i. menangguhkan semua aktiviti luar bilik darjah jika cuaca terlalu panas;
 - ii. memantau aktiviti yang boleh mendedahkan murid kepada keadaan cuaca panas bagi memastikan kesihatan mereka tidak terjejas;
 - iii. memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan bawah KPM dan menggalakkan murid membawa air minuman sendiri bagi yang tidak berpuasa/murid bukan Islam; iv. menasihati dan menggalakkan murid mengambil air minuman dalam kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan;
 - iv. membekalkan air minuman kepada murid asrama sekiranya keadaan kritikal dan tiada sumber lain bagi mendapatkan air minuman; dan
 - v. sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat cuaca panas.

- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.

✓ NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

Tips Sewaktu Musim Panas:

- ✓ Minum air mencukupi.
- ✓ Hadkan aktiviti luar.
- ✓ Pakai pakaian yang selesa, sesuai dan mudah menyerap peluh.
- ✓ Elakkan pembakaran terbuka.
- ✓ Menyimpan bekalan air secukupnya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari

<https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)